

Headline **Larian KL Maraton sasar kutip RM1 juta**
Date **30 Apr 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Sukan**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **60**
Article Size **76 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **351**
PRValue **1,052**



Larian KL Maraton sasar kutip RM1 juta

PERLUMBAAN Maraton Kuala Lumpur Standard Chartered (KL Maraton) pada 27 Jun depan mensasarkan kutipan RM1 juta.

Penasihat jawatankuasa penganjur, Datuk Seri Dr. Ibrahim Saad berkata, hasil kutipan daripada larian itu akan dibahagikan kepada lima pertubuhan kebajikan iaitu Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia, Yayasan AIDS Malaysia, Majlis Kanser Kebangsaan Malaysia, Yayasan Anak Warisan Alam dan Yayasan Amanah Standard Chartered.

Beliau berkata, KL Maraton bukanlah satu acara sukan semata-mata, sebaliknya juga adalah platform bagi badan korporat dalam negara menunaikan tanggungjawab sosial mereka kepada masyarakat.

"Antara artis diundang bagi memeriahkan suasana acara kali ini adalah ialah A. Thanuja (Ratu Dunia/Malaysia), Fahrin Ahmad, Aishah Sinclair, Amy Mastura dan Zainal Abidin," katanya.

KL Maraton yang mendapat sokongan Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM), Persatuan Olahraga Amatur Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu menampilkan tujuh kategori.

Maraton penuh melibatkan kategori terbuka dan veteran, separa maraton (terbuka dan veteran), 10km (lelaki dan wanita), cabaran 10km korporat, 5km (Fun Run dan Family) serta Kid Dash (3km dan 850m).

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman web www.kl-marathon.com.